

01 JUL 1996

MENTERI-MENTERI KABINET SABAH JUMPA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Kabinet kerajaan negeri Sabah yang diketuai oleh Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, petang ini.

Rombongan Menteri-menteri Sabah itu tiba di JPM pada pukul 3.45 petang.

Turut serta dalam perjumpaan tertutup itu yang bermula pada pukul 4.40 petang ini ialah Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Osu Sukam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Chong Kah Kiat dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah Datuk Datu Haji Khalil Datu Jamalul.

Sebelum perjumpaan dengan barisan Kabinet itu Yong mengadakan perjumpaan dengan Dr Mahathir kira-kira 20 minit di pejabat Perdana Menteri.

Ini kali pertama Kabinet Sabah menemui Perdana Menteri selepas Yong mengambil alih jawatan Ketua Menteri Sabah daripada Datuk Salleh Tun Said Keruak. -- BERNAMA

SJA PR